

# Sistem kesihatan perlu pembaharuan segera

**Kuala Lumpur:** Sistem perkhidmatan kesihatan negara wajar diberikan pembaharuan bagi menangani isu peningkatan kos perubatan dan kemampuan kewangan rakyat.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Koh Kar Chai, berkata pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak Januari tahun lalu banyak memberi iktibar berhubung keperluan melakukan transformasi perkhidmatan kesihatan.

Beliau berkata, ini kerana se-gelintir pesakit COVID-19 kategori 5 terpaksa menerima rawatan di hospital swasta sehingga dibebani kos perubatan mencecah ratusan ribu ringgit.

"Bagi yang berkemampuan, mungkin kos sedemikian langsung tidak menjelaskan aspek ke-

wangan mereka, tetapi bukan semua yang berkemampuan untuk menjelaskan caj perubatan yang akhirnya mengundang polemik ekonomi.

"Sebenarnya kos perubatan meningkat sebab tahun, cuma mungkin ia tidak dirasai sekiranya kita mendapatkan perkhidmatan di sektor awam memandangkan kerajaan memperuntukkan subsidi yang amat tinggi.

"Bagaimanapun, ia membangkitkan persoalan mengenai keperluan melakukan pembaharuan terhadap sistem perkhidmatan kesihatan negara, tanpa perlu untuk kita menunggu satu lagi gelombang pandemik pada masa depan.

"Sekiranya tidak dilaksanakan dengan tuntas, lebih ramai yang

bakal terkorban sebelum suatu pembaharuan ketara terhadap sistem perkhidmatan kesihatan berupaya dicapai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Kar Chai berkata Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) turut menyentuh pelbagai aspek berkaitan sistem perkhidmatan kesihatan negara, selain usaha pembaharuan yang giat dirintis Kementerian Kesihatan (KKM).

Bagaimanapun, katanya, rangkaian inisiatif itu tidak seharusnya sekadar 'cakap kosong' tanpa disusuli tindakan yang mencekukkan perubahan.

"Kedua-dua pihak dalam Dewan Rakyat perlu sedar bahawa kita memerlukan pembaharuan ini sekarang, justeru segerakan usaha sedemikian dengan kesepakatan bersama," katanya.



Pandemik COVID-19 dedah keperluan melakukan transformasi sistem kesihatan negara dengan segera bagi menjamin rakyat mendapat khidmat yang terbaik.

(Foto hiasan)